PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN

Perpustakaan Awam Kelantan



# LAPORAN TAHUNAN 2018

www.kelantanlibrary.gov.my

aku di hatimu
"i am in your heart"

aku di hatimu
"i am in your heart"

# Isi Kandungan

01 PERUTUSAN PENGERUSI
02 PERUTUSAN PENGARAH
03 PPAK SEPINTAS LALU
09 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
13 BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI
14 BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT
15 BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
16 PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN
17 PERPUSTAKAAN CAWANGAN, KOMUNITI & DESA PPAK
20 PERPUSTAKAAN DESA PNM
22 STATISTIK
42 LAWATAN DARI AGENSI LUAR
44 LAWATAN KERJA PPAK
45 AKTIVITI "AKU DI HATIMU"
47 SISIPAN BERITA
49 ANUGERAH DAN PENYERTAAN

Perpustakaan Awam Kelantan
www.kelantanlibrary.gov.my

## Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

" Kejayaan bukan sahaja keberhasilan diukur menerusi hasil tetapi juga usaha- usaha yang telah dibuat untuk mencapai keberhasilan itu". Kata-kata yang diungkapkan oleh Mahatma Gandhi ini menggambarkan komitmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dalam melakar kerjayaan sepanjang tahun 2018 ini.

Justeru, beberapa kerjayaan yang signifikan khususnya dalam usaha melahirkan masyarakat membaca telah dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan rahmatnya Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan(PPAK) tahun 2018 telah Berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga PPAK atas sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan ini.

Pada tahun 2018,PPAK telah berjaya mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang di mana kebanyakan program tersebut merupakan kesinambungan dari tahun sebelumnya seperti Program Mari Membaca Serentak Selama 10 Minit dan Malaysia Mengaji. PPAK juga telah mengadakan aktiviti baharu iaitu Program Aku Di Hatimu dan Program Bicara Tokoh.

Selain itu, PPAK telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik Aktiviti Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan 2019 untuk menjadi panduan kepada warga PPAK supaya berupaya melaksanakan aktiviti yang dirancang selaras dengan visi dan misi yang ditetapkan pada tahun setrusnya.

PPAK juga mengukir nama kerana menyertai International Federation of Library Associations and Institutions- World Library and Information Congress (IFLA WLIC). PPAK telah berjaya menghantar peserta seramai 16 orang dengan 1 penyertaan poster.

Saya juga turut berbangga kerana pada tahun 2018, PPAK telah mendapat anugerah Audit Indeks Akauntabiliti bersih. Saya yakin dan percaya pencapaian ini dapat dikekalkan oleh PPAK. Saya percaya PPAK akan terus mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang terus relevan dalam menyampaikan perkhidmatan maklumat dan penyebaran ilmu kepada masyarakat ke arah menjadikan melahirkan masyarakat berbudaya ilmu.

Akhir kata , saya ucapkan tahniah dan terima kasih atas kerjayaan serta sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan laporan tahun ini.

**Selamat membaca.**

**Sekian terima kasih.**



**YB DATO'DR MOHAMED FADZLI BIN DATO'HAJI HASSAN**
**(D.J.M.K) Kelantan**
**PENGERUSI**
**PERBADANAN PERPUSTAKAAN NEGERI KELANTAN**

## Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah. Setinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi kesempatan menukilkan perutusan pengarah untuk Laporan Tahunan bagi tahun 2018. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi dan semua yang terlibat menjayakan penerbitan laporan tahun ini dan menjadikannya sebagai lambang kecemerlangan, penghubung kata, penyatu bicara, pahit dan manis di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Semoga laporan tahunan ini menjadi wadah dalam merealisasikan visi dan misi Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.

Sebagaimana hasrat kerajaan untuk mentransformasikan negara ke arah sebuah negara maju, perpustakaan turut memainkan peranan utama untuk merealisasikan hasrat tersebut. Justeru, perpustakaan sentiasa seiring dengan dasar dan hasrat Kementerian Pelajaran agar pengguna yang dihasilkan nanti adalah generasi yang berketerampilan dan mempunyai modal insan yang mampu memajukan negara.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Warga PPAK dan para pengguna hendaklah memainkan peranan penting untuk menjayakan aktiviti yang telah dijalankan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Segala program dan aktiviti yang disusun bukanlah bertujuan membuang masa dan membebankan warga perpustakaan tetapi pelaksanaan aktiviti tersebut adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang kewujudan dan peranan perpustakaan selain membantu perpustakaan dalam menjadi pusat komuniti yang menyediakan pelbagai kemudahan dan menyebarkan pelbagai bentuk ilmu dan maklumat



Kesungguhan, dedikasi dan iltizam daripada semua pihak akan memastikan hasrat murni ini dapat dicapai. Saya yakin bahawa inilah yang sedang dilakukan dan berlaku di perpustakaan ini. Saya menyeru supaya setiap warga perpustakaan saling lengkap melengkapi dan berkhidmat dalam satu pasukan bagi mempersiapkan diri supaya dapat terus maju dan berdaya saing terutamanya dalam era teknologi yang semakin canggih ini

Kerjasama dengan agensi luar juga memainkan peranan penting dalam melonjakkan lagi imej dan menyebar luas peranan perpustakaan kepada masyarakat di bandar mahupun luar bandar. Segala peluang yang datang perlu dinilai dan direbut jika ianya mendatangkan faedah dan kebaikan kepada masa depan perpustakaan. Diharap tahun-tahun akan datang kita semua dapat bekerja dengan lebih komited dan bersungguh-sungguh bagi memastikan perpustakaan kita ini kekal relevan dan dianggap penting oleh masyarakat.Sekian,salam

**"Aku Di Hatimu"**

***Terima kasih***

***YABrs Ruslan Bin Ludin***
***Pengarah***
***Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan.***

# SEJARAH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) bermula dengan nama Perpustakaan Umum Carnegie yang ditubuhkan pada tahun 1938 hasil bantuan sebanyak 1,000.00 pound sterling dari Yayasan Carnegie di New York dan RM 2,500.00 dari Kerajaan Negeri. Bangunannya terletak di Jalan Doktor, Kota Bharu. Ahli jawatankuasa yang dipilih pada waktu itu terdiri daripada Mr. A.C. Baker (Penasihat British), Mr. Gordon Hal, Mr. C, Crae dan YM Tengku Mahyideen. Bantuan sebanyak RM 1,000.00 setahun diterima dari Kerajaan Negeri dari tahun 1939 - 1946. Walau bagaimanapun antara tahun 1947 - 1949, pihak perpustakaan hanya menerima sebanyak RM 500.00 dari Kerajaan Negeri sebagai bantuan tahunan.

Dengan berkuat kuasa Enakmen No. 14 Tahun 1973, Perpustakaan Umum Carnegie mula dikenali sebagai Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Pada masa itu, perpustakaan hanya di kendalikan oleh 3 orang kakitangan sahaja iaitu 2 kerani rendah dan seorang pelayan pejabat. Sehingga 1978. sumbangan dari kerajaan negeri adalah sebanyak RM 5,000.00 setahun. Walau bagaimanapun peruntukan tahunan ditambah mulai 1979 – 1982 iaitu RM 35,000.00 setahun dan kakitangan juga bertambah kepada 6 orang.



Mulai tahun 1963, langkah-langkah pemulihan mula dijalankan peruntukan tahunan sebanyak RM2,500.00 untuk perbelanjaan pengurusan dan pembelian bahan-bahan bacaan perpustakaan. Manakala pada 1964, peruntukan telah bertambah kepada RM 5,000.00. Mulai 1hb Januari 1965, pentadbiran perpustakaan telah diambil alih oleh Jumaah Amanah Perpustakaan Umum Carnegie. Hasil usaha Ahli Jumaah, perpustakaan ini mula dibuka kepada umum pada 1hb. Julai 1967.

Dalam Rancangan Malaysia ke Tiga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 1.5 juta untuk pembinaan bangunan baru. Bangunan setinggi 3 tingkat dengan keluasan 31,000 kaki persegi di atas tapak seluas 1.13 ekar tersergam di Jalan Mahmood, Kota Bharu, Kelantan. Urusan pembinaan dimulakan pada April 1981 dan siap sepenuhnya pada Oktober 1982 dengan belanja yang meningkat hampir RM 4 juta. 5hb. Februari, 1983 perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai dan di rasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan 1hb April 1983 dan secara rasminya telah dibuka kepada orang ramai.

Penubuhan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan ini antara lain ialah bertujuan untuk mengurus, menyelenggarakan dan memperluaskan penggunaan buku dan juga bahan-bahan perpustakaan kepada masyarakat.

Dalam usaha meningkatkan lagi perkhidmatan perpustakaan awam kepada penduduk, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan kini mentadbir 12 buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Awam Kelantan, 7 Perpustakaan Awam Cawangan, 1 Perpustakaan Komuniti dan 3 Perpustakaan Desa di negeri Kelantan, selain itu, Perbadanan Perpustakaan Awam juga menyelia sebanyak 34 Perpustakaan Desa di bawah Pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia yang terletak di negeri Kelantan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan terbahagi kepada Ibu Pejabat, Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa.


Ahli Lembaga
Pengarah
Pengarah
Unit Perancangan dan Pembangunan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Koleksi
Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat
Bahagian Rangkaian Perpustakaan
Unit Teknologi Maklumat
Unit Perolehan Koleksi
Unit Pendokumentasian dan Teknikal
Cawangan
Komuniti
Desa
Bergerak
Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia
Unit Kewangan
Pengurusan Data
Unit Gerakan Literasi
Unit Perkhidmatan Perpustakaan

## VISI

"Melahirkan Masyarakat Berbudaya Ilmu"
"Cultivating Knowledgeable Society"

## MISI

"Menyediakan Prasarana Sumber Maklumat dan Ilmu Untuk Semua Lapisan Masyarakat"

## MOTO

"Bangsa Membaca Bangsa Berjaya"

# Logo dan tagline PPAK "Aku Di Hatimu"

PPAK

aku di hatimu
"i am in your heart"

# PENGURUSAN PENTADBIR

| BIL. | NAMA PEGAWAI | JAWATAN | GAMBAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Ruslan Bin Ludin<br>Perdadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Pengarah |  |
| 2. | Mohd Azizi Bin Zainudin<br>Perdadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Timbalan Pengarah |  |
| 3. | Md Hanif Bin Junoh<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Koleksi |  |
| 4. | Wan Fairuzliza Binti Wan Kadir<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat |  |
| 5. | Mohamad Kamil Bin Naimi<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Bahagian Rangkaian Perpustakaan |  |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **6.** | Mohd Hafiz Bin Yusoff<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09 7444522 / 09 7412522<br>No.Fax: 09 7487736 | Ketua Unit Teknologi Maklumat |  |
| **7.** | Mohd Qari Bin Abdullah<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia |  |
| **8.** | Nurulaidal Binti Ab Ghoni<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Unit Perolehan Koleksi |  |
| **9.** | Nur Hidayah Binti Mohamad Zain<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Unit Kewangan |  |
| **10.** | Mohd Fairuz Amir Bin Shaari<br>Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>No. Tel: 09-7444522 / 09-7412522<br>No.Fax: 09-7487736 | Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan |  |




# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bertanggungjawab mengendalikan beberapa aktiviti utama iaitu menguruskan aspek perkhidmatan, urusan pengambilan dan penempatan kakitangan, merancang dan mengendalikan urusan / kursus atau latihan dalam perkhidmatan, kursus wajib dan peperiksaan jabatan, mengurus hal ehwal tatatertib, pengisytiharan harta dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT), merancang dan menganjurkan keperluan perjawatan, struktur organisasi perjawatan dan mengemaskini sistem perkhidmatan.

Bahagian Khidmat Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) bertanggungjawab menjalankan beberapa aktiviti seperti berikut:

i) Menguruskan hal ehwal Sumber manusia seperti urusan perlantikan, kenaikan gaji, pengurusan cuti dan pencen, pinjaman perumahan dan tatatertib staf Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK).

ii) Menguruskan dan menyelia latihan staf seperti kursus, bengkel, seminar, mesyuarat luar serta peperiksaan untuk staf.

iii) Menguruskan pembekalan aset dan alat tulis pejabat termasuk perolehan dan pembayaran bagi perkhidmatan dan pembekalan.

iv) Menguruskan urusan perlindungan insuran kenderaan dan bangunan .

Bahagian Khidmat Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) terbahagi kepada beberapa unit kecil iaitu:

a) Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia

- Menguruskan urusan pentadbiran dan pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK).
- Menguruskan urusan perkhidmatan pembekalan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
- Menguruskan urusan kenderaan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK).
- Menguruskan Insuran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)
- Menguruskan urusan Surat Jaminan (GL)
- Menguruskan aset-aset alih Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)
- Menguruskan stor utama Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)
- Diketuai oleh Encik Mohd Qari Bin Abdullah dan dibantu oleh 6 orang kakitangan.

## Bilangan Kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK)
## Bilangan Kakitangan Bertaraf Tetap dan Kontrak

| BILANGAN KAKITANGAN BERTARAF TETAP | |
|---|---|
| GRED | BILANGAN |
| Gred 48 | 1 |
| Gred 41 | 1 |
| Gred 29 | 4 |
| Gred 22 | 2 |
| Gred 19 | 28 |
| Gred 11 | 13 |
| JUMLAH | **49** |

| BILANGAN KAKITANGAN BERTARAF KONTRAK | |
|---|---|
| GRED | BILANGAN |
| Gred 29 | 2 |
| Gred 27 | 1 |
| Gred 17 | 4 |
| Gred 11 | 12 |
| JUMLAH | **19** |

## Unit Kewangan & Akaun

Unit Kewangan dan Akaun merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab di dalam Pengurusan Kewangan, Akaun dan Kutipan Hasil di PPAK. Unit ini berfungsi di dalam menguruskan Belanjawan, Pesanan Kerajaan, Pembayaran Bil dan Tuntutan, Pengurusan Gaji, Pengurusan Pinjaman, Terimaan Bukan Hasil serta Pengurusan Aset dan Stor mengikut Arahan dan Pekeliling yang berkuatkuasa. Unit ini diketuai oleh Puan Nur Hidayah binti Mohamad Zain dan dibantu oleh 2 orang kakitangan.

## Unit Perancangan Dan Pembangunan

Unit Perancangan dan Pembangunan merupakan nadi ke arah pembangunan dan perkembangan sesebuah perpustakaan dalam membentuk generasi yang berpengetahuan dan bermaklumat. Unit ini juga bertanggungjawab merancang, melaksana dan mengawalselia projek-projek pembangunan perpustakaan negeri dan persekutuan serta menyelaras projek-projek pembangunan berbentuk kerjasama antara agensi. Objektif utama unit ini adalah:

- Memastikan pembangunan perpustakaan selari dengan perkembangan dan keperluan semasa serta berada dalam keadaan terurus.

- Menyelenggara bangunan, fasiliti, landskap dan keperluan fizikal perpustakaan agar sentiasa dalam keadaan kondusif.

## Unit Teknologi Maklumat

Unit Teknologi Maklumat merupakan unit yang memberi perkhidmatan sokongan ICT di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Fungsi keseluruhan mengenai Unit Teknologi Maklumat adalah menyediakan perkhidmatan teknikal dan rangkaian, sistem dan aplikasi Kerajaan Elektronik dan multimedia dan web.

Berikut merupakan fungsi teknikal secara terperinci:

- Teknikal dan rangkaian
  - Menyedia perkakasan dan perisian ICT di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
  - Memberi khidmat bantuan teknikal, nasihat dan latihan.

- Sistem dan aplikasi Kerajaan Elektronik
  - Pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem aplikasi dalaman.
  - Memberi khidmat sokongan kepada lain-lain aplikasi Kerajaan Elektronik.
  - Khidmat bantuan teknikal, nasihat dan latihan.

- Multimedia dan web
  - Pembangunan dan penyelenggaraan laman web rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
  - Mengemas kini maklumat laman web.
  - Membantu mereka bentuk persembahan multimedia yang memerlukan penyertaan Unit Teknologi Maklumat.
  - Memberi khidmat nasihat kepada Bahagian lain.

## Unit Teknologi Maklumat

Unit Teknologi Maklumat merupakan unit yang memberi perkhidmatan sokongan ICT di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Fungsi keseluruhan mengenai Unit Teknologi Maklumat adalah menyediakan perkhidmatan teknikal dan rangkaian, sistem dan aplikasi Kerajaan Elektronik dan multimedia dan web.
Berikut merupakan fungsi teknikal secara terperinci:

• Teknikal dan rangkaian
- Menyedia perkakasan dan perisian ICT di Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
- Memberi khidmat bantuan teknikal, nasihat dan latihan.

• Sistem dan aplikasi Kerajaan Elektronik
- Pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem aplikasi dalaman.
- Memberi khidmat sokongan kepada lain-lain aplikasi Kerajaan Elektronik.
- Khidmat bantuan teknikal, nasihat dan latihan.

• Multimedia dan web
- Pembangunan dan penyelenggaraan laman web rasmi Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.
- Mengemas kini maklumat laman web.
- Membantu mereka bentuk persembahan multimedia yang memerlukan penyertaan Unit Teknologi Maklumat.
- Memberi khidmat nasihat kepada Bahagian lain
.

## Unit Perancangan Dan Pembangunan

Unit Perancangan dan Pembangunan merupakan nadi ke arah pembangunan dan perkembangan sesebuah perpustakaan dalam membentuk generasi yang berpengetahuan dan bermaklumat. Unit ini juga bertanggungjawab merancang, melaksana dan mengawalselia projek-projek pembangunan perpustakaan negeri dan persekutuan serta menyelaras projek-projek pembangunan berbentuk kerjasama antara agensi. Objektif utama unit ini adalah:

• Memastikan pembangunan perpustakaan selari dengan perkembangan dan keperluan semasa serta berada dalam keadaan terurus.

• Menyelenggara bangunan, fasiliti, landskap dan keperluan fizikal perpustakaan agar sentiasa dalam keadaan kondusif.



# BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

## BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Koleksi merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam perihal menguruskan segala aspek yang berkaitan dengan pembelian, penerimaan, pemprosesan, penyelenggaraan dan pengedaran bahan koleksi perpustakaan. Bahagian ini di ketuai oleh Encik Mohd Hanif bin Junoh dan dibantu oleh 11 orang kakitangan, dan dibahagikan kepada dua unit kecil iaitu Unit Perolehan Koleksi dan Unit - Pendokumentasian dan Teknikal.

### b) Unit Pendokumentasian Dan Teknikal

Unit ini berperanan mengorganisasikan koleksi perpustakaan melalui pengkelasan dan pengkatalogan serta menyediakan rekod–rekod untuk pembinaan pangkalan data bagi membolehkan masyarakat mengakses dan menggunakan koleksi perpustakaan dengan mudah dan cepat.

### a) Unit Perolehan Koleksi

Unit ini bertanggungjawab memperoleh dan menguruskan koleksi perpustakaan samada melalui pembelian, sumbangan atau pertukaran. Koleksi yang diperolehi akan diagih kepada lokasi yang telah ditetapkan iaitu perpustakaan pusat, perpustakaan cawangan, komuniti dan desa. Pembelian koleksi perpustakaan dilakukan secara berkala mengikut peruntukan kewangan yang telah disediakan dan ditetapkan oleh pihak kewangan jabatan. Pembelian koleksi turut mengambil kira penilaian dan pemilihan oleh pegawai perpustakaan, permintaan dari pengguna perpustakaan serta bahan-bahan yang popular dan terkini mengikut kesesuaian dan kategori ahli serta pengguna perpustakaan.



# BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

## BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada ahli dan pengguna perpustakaan. Bahagian ini di ketuai oleh Puan Wan Fairuzliza binti Wan Kadir dan dibantu oleh 8 orang kakitangan, dan dibahagikan kepada tiga unit utama iaitu Unit Perkhidmatan Perpustakaan, Unit Gerakan Literasi dan Unit Koleksi Kelantan yang mana turut bertanggungjawab untuk mencapai objektif bahagian dan objektif PPAK.

### a) Unit Gerakan Literasi

Bertanggungjawab membuat promosi, aktiviti, pameran dan memberikan maklumat kepada masyarakat mengenai perkhidmatan dan kepentingan perpustakaan.

### b) Unit Perkhidmatan Perpustakaan

Bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan kepada ahli dan pengguna perpustakaan dalam usaha menarik minat masyarakat untuk lebih mendekati perpustakaan dan sekaligus menjadikan perpustakaan sebagai tempat rujukan dan sumber utama bagi mendapatkan ilmu dan maklumat yang sahih.

### c) Unit Koleksi Kelantan

Bertanggungjawab menguruskan semua koleksi berkaitan dengan negeri Kelantan

# BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN




## BAHAGIAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN

Bahagian Rangkaian Perpustakaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab menyelaras dan memantau perkhidmatan perpustakaan di seluruh daerah/jajahan di negeri Kelantan. Tujuan penubuhan perpustakaan di setiap daerah/jajahan adalah untuk memastikan masyarakat dapat mengakses maklumat tanpa mengira jarak dan lokasi mereka berada serta berperanan dalam memupuk budaya berilmu di kalangan masyarakat. Bahagian ini di ketuai oleh Encik Mohamad Kamil bin Naimi dan dibantu oleh 24 orang kakitangan di perpustakaan seluruh daerah/jajahan Bahagian ini merangkumi 7 buah perpustakaan cawangan sebuah perpustakaan komuniti, 3 buah perpustakaan desa dan sebuah bas perpustakaan bergerak (e-Pustaka). Objektif utama bahgian ini ialah menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang cekap, lengkap dan berkesan untuk masyarakat luar bandar dan seluruh negeri Kelantan melalui rangkaian perpustakaan yang ada.

### Waktu Perkhidmatan Perpustakaan Cawangan Dan Desa

| | | |
|---|---|---|
| Ahad hingga Rabu | - | 9.00pg – 5.15ptg |
| Sabtu | - | 9.00pg – 5.00ptg |
| Khamis, Jumaat dan Hari Kelepasan Am | - | Tutup |

### Waktu Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti (AEON)

| | | |
|---|---|---|
| Ahad hingga Rabu | - | 10.00pg – 6.45ptg |
| Sabtu | - | 10.00pg –6.30ptg |
| Khamis, Jumaat dan Hari Kelepasan Am | - | Tutup |

# Perkhidmatan yang Disediakan

- Pinjaman:
  - Pinjaman Individu
  - Pinjaman Berkelompok
  - Pinjaman Antara Perpustakaan
- Koleksi Rujukan
- Koleksi Kelantan
- Koleksi Terbitan Berkala
- Koleksi Permainan Kanak-kanak
- Khidmat Nasihat Dan Latihan Pengurusan Perpustakaan
- Latihan Amali
- Bas e-Pustaka
- Perpustakaan Digital (U-Pustaka)
- Perpustakaan Saidatina Habsyah
- Program Galakan Membaca
- Aktiviti Kanak-Kanak
- OPAC
- Internet Dan Wi-Fi Percuma
- Bilik Multimedia
- Bilik Tayangan
- Bilik Perbincangan
- Dewan Serbaguna
- Bilik Aktiviti Kanak-Kanak
- Kemudahan Fotostat
- Surau
- Ruang Untuk Pameran



## Perpustakaan Awam Cawangan Bachok

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 1982 |
| Penyelia | En. Azizi Bin Seman |
| Lokasi | Jalan Pantai Irama<br>16300 Bachok<br>Kelantan |



## Perpustakaan Awam Cawangan Pasir Mas

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 1982 |
| Penyelia | : En. Muhamad Yusoff Bin Jaafar |
| Lokasi | Jalan Meranti<br>17000 Pasir Mas<br>Kelantan |



## Perpustakaan Awam Cawangan Pasir Puteh

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 1985 |
| Penyelia | Pn. Nik Nah Binti Nik Mat |
| Lokasi | PT 658, Seksyen 2<br>Jalan Belakang Majlis Daerah Pasir Puteh<br>16800 Pasir Puteh |




## Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Krai

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 1992 |
| Penyelia | Pn. Sharifah Binti Rashid |
| Lokasi | Jalan Sultan Yahya Petra<br>18000 Kuala Krai<br>Kelantan |



## Perpustakaan Awam Cawangan Tumpat

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2000 |
| Penyelia | En. Nik Khairul Anuar Bin Nik Ab. Rahman |
| Lokasi | Jalan Stesen<br>16200 Tumpat<br>Kelantan |



### Perpustakaan Awam Cawangan Jeli

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2001 |
| Penyelia | En. Raefie Neisyam Bin Mat Zin |
| Lokasi | Jalan Pekeliling<br>17600 Jeli<br>Kelantan |



### Perpustakaan Awam Cawangan Gua Musang

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2011 |
| Penyelia | En. Zulkifli Bin Dollah |
| Lokasi | Bandar Baru Gua Musang<br>18300 Gua Musang<br>Kelantan |

## Perpustakaan Komuniti




### Perpustakaan Komuniti Pusat Beli-belah Aeon Kota Bharu

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2016 |
| Penyelia | Pn. Wan Husna Binti Wan Mustapa |
| Lokasi | S19, AEON Mall<br>15050 Kota Bharu<br>Kelantan |

Perpustakaan komuniti dibuka pada 28 April 2016 dan telah dirasmikan oleh Pengerusi PPAK. Perpustakaan ini terletak di pusat membeli belah AEON Kota Bharu. Kewujudan Perpustakaan Komuniti di dalam pusat membeli-belah ini telah menarik perhatian ramai pengunjung yang minat membaca di kalangan masyarakat setempat tidak mengira bangsa dan usia. Disamping membeli-belah, masyarakat juga boleh membaca buku dan mengakses kemudahan internet yang disediakan secara percuma.

# Perpustakaan Desa



## Perpustakaan Desa Chiku 1

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2001 |
| Penyelia | Pn. Asmawati Binti Deraman |
| Lokasi | Felda Chiku 1<br>18300 Gua Musang<br>Kelantan |



## Perpustakaan Desa Salor

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | - |
| Penyelia | En. Wan Mohamad Amiruddin Bin Wan Ariffin |
| Lokasi | Masjid Kampung Gua<br>15100 Salor<br>Kelantan |



## Perpustakaan Desa Dabong

| | |
|---|---|
| Tahun ditubuhkan | 2004 |
| Penyelia | Cik Nurul Shaheera Binti Mat Nasir |
| Lokasi | Jalan Majlis Daerah Dabong<br>18200 Majlis Daerah Dabong<br>Kelantan |

# PERPUSTAKAAN DESA PNM (PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| ZON 1 | | |
|---|---|---|
| Pn. Norainal Al-Mardiyyah binti Mat Nasir | 1. | Perpustakaan Desa Kg Batu Melintang, Kompleks Penggawa,1<br>7600 Jeli,<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kg Gemang<br>Kompleks Penggawa, Gemang,<br>17700 Ayer Lanas,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Kg Sungai Satan<br>17700 Ayer Lanas,<br>Kelantan |
| | 4. | Perpustakaan Desa Kg Bukit Jering<br>17610 Kuala Balah, Jeli,<br>Kelantan |
| | 5. | Perpustakaan Desa Kg. Jerek<br>18300 Gua Musang,<br>Kelantan |

| PENYELIA | ZON 2 | |
|---|---|---|
| Pn. Tuan Samsuziana binti Tuan Ismail | 1. | Perpustakaan Desa Kg. Cherang Ruku,<br>D/A Kompleks Penggawa, Semerak,<br>16700 Semerak, Pasir Puteh,<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kg. Sabak,<br>Bilik Darjah Lama Sek. Keb. Sabak,<br>16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Selising,<br>16810 Selising, Pasr Puteh,<br>Kelantan |
| | 4. | Perpustakaan Desa Chuchuh Puteri,<br>16810, Kuala Krai,<br>Kelantan |
| | 5. | Perpustakaan Desa Kampung Telaga Bata, 16200 Tumpat<br>Kelantan |

| PENYELIA | ZON 3 | |
|---|---|---|
| Pn. Rohaya bint Khalid | 1. | Perpustakaan Desa Kg Pangkal Gong, Pt 983 Mukim Pauh Lima, 16600 Pulai Chondong, Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kg Pangkal Meleret, 18500 Machang, Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Kg Pangkal Petai Dalam, 18500 Machang, Kelantan |
| | 4. | Perpustakaan Desa Kg Paloh 2, 18300 Gua Musang, Kelantan |

# PERPUSTAKAAN DESA PNM (PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA)

| PENYELIA | ZON 4 | |
|---|---|---|
| Pn. Nor Hafiza binti Abdul Hadi | 1. | Perpustakaan Desa Tanah Merah,<br>Jalan Klinik,<br>17500 Tanah Merah,<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Pd Taman Sri Remah, Jalan Pasir Mas,<br>17500 Tanah Merah,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Batu Gajah,<br>17500 Tanah Merah,<br>Kelantan |
| | 4 | Perpustakaan Desa Galok, Chetok,<br>17500 Tanah Merah,<br>Kelantan |
| | 5. | Perpustakaan Desa Kuala Gris,<br>18200 Dabong,<br>Kelantan |

| PENYELIA | ZON 5 | |
|---|---|---|
| Pn. Raihan binti Ishak@Abdullah | 1. | Perpustakaan Desa To'uban<br>17050 Pasir Mas,<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kg Bechah Semak,<br>Bunut Susu,<br>17020 Pasir Mas,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Kg Bunohan,<br>16200 Tumpat,<br>Kelantan |
| | 4 | Perpustakaan Desa Kg Ketil<br>Pengkalan Kubor,<br>16080 Tumpat,<br>Kelantan |
| | 5. | Perpustakaan Desa Kg Kemubu<br>Pondok Polis Kemubu,<br>18200 Gua Musang,<br>Kelantan |

| PENYELIA | ZON 6 | |
|---|---|---|
| Pn. Nurul Asmaq binti Junit | 1. | Perpustakaan Desa Kg Wakaf Zin,<br>Kompleks Penggawa Kg Wakaf Zin,<br>Tawang<br>16020 Bachok<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kg Permatang Piah, Mahligai<br>16400 Bachok,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Kg Telong,<br>Kompleks Penggawa Tgelong,<br>16310 Bachok,<br>Kelantan |
| | 4 | Perpustakaan Desa Kampung Chap Bekelam, 16070 Bachok,<br>Kelantan |
| | 5. | Perpustakaan Desa Kg Sungai Sam,<br>18000 Kuala Krai,<br>Kelantan |

| PENYELIA | ZON 7 | |
|---|---|---|
| Pn. Nor Edilla binti Ismail | 1. | Perpustakaan Desa Kg. But,<br>16450 Ketereh, Kota Bharu,<br>Kelantan |
| | 2. | Perpustakaan Desa Kampung Pak Rahmat / Seterpa, Peringat,<br>16150 Kota Bharu,<br>Kelantan |
| | 3. | Perpustakaan Desa Bunut Susu, Kg. Bunut Susu,<br>17020 Pasir Mas,<br>Kelantan |
| | 4 | Perpustakaan Desa Kg. Manek Urai,<br>Kuarters Klinik Lama,<br>Kg Manek Urai Lama,<br>18000 Kuala Krai, Kelantan |

## Statistik Keseluruhan 2018

| | PENGUNJUNG | | | | KEAHLIAN | | | | PINJAMAN (KOLEKSI) | | | | PENGGUNA ICT | | | AKTIVITI | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BULAN | Kanak-kanak | Belia | Dewasa | Jumlah | Kanak-kanak | Belia | Dewasa | Jumlah | Kanak-kanak | Belia | Dewasa | Jumlah | Komputer multimedia | Wi-Fi | Jumlah | Bilangan aktiviti | Bilangan peserta |
| Januari | 13101 | 7669 | 8495 | 29265 | 210 | 239 | 236 | 685 | 10234 | 1245 | 9942 | 21421 | 2419 | 3615 | 6034 | 311 | 6157 |
| Februari | 12187 | 7202 | 7800 | 27189 | 234 | 395 | 186 | 815 | 11172 | 1123 | 7783 | 20078 | 2545 | 2781 | 5326 | 335 | 9732 |
| Mac | 17464 | 8825 | 8763 | 35052 | 481 | 392 | 188 | 1061 | 12877 | 1247 | 9190 | 23314 | 3702 | 3874 | 7576 | 447 | 12447 |
| April | 15359 | 7267 | 7787 | 30413 | 533 | 354 | 168 | 1055 | 13019 | 1155 | 9334 | 23508 | 2749 | 3205 | 5954 | 385 | 20654 |
| Mei | 9404 | 6663 | 6835 | 22902 | 422 | 126 | 158 | 706 | 10285 | 978 | 7769 | 19032 | 2079 | 2528 | 4607 | 265 | 6205 |
| Jun | 9541 | 7076 | 6727 | 23344 | 255 | 328 | 136 | 719 | 8774 | 1534 | 7214 | 17522 | 2269 | 2329 | 4598 | 272 | 33372 |
| Julai | 13095 | 7701 | 8210 | 29006 | 234 | 312 | 106 | 652 | 12230 | 0 | 10027 | 22257 | 3095 | 3332 | 6427 | 326 | 6625 |
| Ogos | 13048 | 7773 | 7857 | 28678 | 201 | 355 | 143 | 699 | 11288 | 0 | 8912 | 20200 | 2796 | 3302 | 6098 | 377 | 7229 |
| September | 12596 | 6948 | 6830 | 26374 | 260 | 207 | 129 | 596 | 10299 | 0 | 8972 | 19271 | 2349 | 3489 | 5838 | 316 | 10674 |
| Oktober | 16147 | 8251 | 8925 | 33323 | 364 | 356 | 137 | 857 | 15400 | 0 | 11022 | 26422 | 3449 | 4216 | 7665 | 404 | 12985 |
| November | 13937 | 8245 | 7483 | 29665 | 406 | 277 | 139 | 822 | 12600 | 0 | 9246 | 21846 | 2493 | 3953 | 6446 | 358 | 7138 |
| Disember | 17153 | 8535 | 9023 | 34711 | 380 | 376 | 165 | 921 | 18020 | 0 | 12563 | 30583 | 2955 | 4000 | 6955 | 400 | 6377 |
| **JUMLAH BESAR** | **163032** | **92155** | **94735** | **349922** | **3980** | **3717** | **1891** | **9588** | **146198** | **7282** | **111974** | **265454** | **32900** | **40624** | **73524** | **4196** | **139595** |

## Carta Bar Pengunjung Mengikut Bulan Bagi Tahun 2017 Dan 2018




Pengunjung Kanak-Kanak
20000
18000
16000
14000
12000
10000
8000
6000
4000
2000
0
9,684
13,101
10,320
12,187
13,040
17,464
12,862
15,359
11,642
9,404
8,261
9,541
11,776
13,095
16,785
13,048
11,380
12,596
15,674
16,147
13,448
13,937
16,840
17,153
17' 18'
Jan
Feb
Mac
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis

## Statistik Pengunjung, Pinjaman, Keahlian dan Aktiviti






## Carta Pie Pengunjung Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017 Dan 2018






## Carta Bar Pinjaman Mengikut Bulan Bagi Tahun 2017 Dan 2018




Pinjaman Kanak-Kanak
20000
18000
16000
14000
12000
10000
8000
6000
4000
2000
0
7,286
10,234
8,184
11,172
10,655
12,877
10,491
13,019
11,416
10,285
7,822
8,774
10,483
12,230
13,849
11,288
11,450
10,299
13,572
15,400
11,224
12,600
12,522
18,020
17' 18'
Jan
Feb
Mar
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis


Pinjaman Belia
1800
1600
1400
1200
1000
800
600
400
200
0
973
1,245
1,147
1,123
1,206
1,247
1,101
1,155
1,074
978
889
1,534
1,385
1,372
1,020
1,100
1,151
1,399
17' 18'
Jan
Feb
Mar
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis


Pinjaman Dewasa
14000
12000
10000
8000
6000
4000
2000
0
6,391
9,942
6,493
7,783
6,374
9,190
6,318
9,334
6,511
7,769
4,189
7,214
7,418
10,027
7,343
8,912
6,831
8,972
9,239
11,022
8,104
9,246
10,344
12,563
17' 18'
Jan
Feb
Mar
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis

## Carta Pie Pinjaman Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017 Dan 2018






**Carta Bar Keahlian Mengikut Bulan Bagi Tahun 2017 Dan 2018**






*Bermula julai 2018 pinjaman belia digabungkan bersama dewasa*






*Bermula julai 2018 pinjaman belia digabungkan bersama dewasa

## Carta Pie Keahlian Mengikut Kategori Bagi Tahun 2017 Dan 2018







**Bermula julai 2018 pinjaman belia digabungkan bersama dewasa*

## Carta Bar Aktiviti Mengikut Bulan Bagi Tahun 2017 Dan 2018







**Bermula julai 2018 pinjaman belia digabungkan bersama dewasa*


Bilangan Aktiviti
700
600
500
400
300
200
100
0
279
311
330
335
398
447
358
385
353
265
281
272
286
326
397
377
305
316
383
404
352
358
585
400
17'18'
Jan
Feb
Mac
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis


Bilangan Peserta Aktiviti
36000
33000
30000
27000
24000
21000
18000
15000
12000
9000
6000
3000
0
4,089
6,157
5,114
9,732
10,718
12,447
16,410
20,654
6,990
6,205
29,878
33,372
5,160
6,625
6,866
7,229
6,198
10,674
12,200
12,985
9,201
7,138
9,422
6,377
17' 18'
Jan
Feb
Mac
Apr
Mei
Jun
Julai
Ogos
Sept
Okt
Nov
Dis



# STATISTIK PEROLEHAN KOLEKSI

## Jumlah perolehan koleksi perpustakaan

| Koleksi Perpustakaan 2018 | |
|---|---|
| **Pembelian** | **Sumbangan/Hadiah** |
| 24,526 | 7,267 |
| **JUMLAH KOLEKSI PERPUSTAKAAN SEHINGGA 2018** | |
| 31,793 | |

## Jumlah bahan mengikut kategori dan bahasa

| KATEGORI | |
|---|---|
| **DEWASA** | **KANAK-KANAK** |
| 20,322 | 11471 |

| BAHASA | | | |
|---|---|---|---|
| Melayu | Inggeris | Cina | Lain-lain |
| 25128 | 6627 | 25 | 13 |

## Jumlah bahan yang dikatalog bagi tahun 2018

| BULAN | JUMLAH |
|---|---|
| Januari | 3,869 |
| Februari | 2,825 |
| Mac | 3,557 |
| April | 2,095 |
| Mei | 421 |
| Jun | 196 |
| July | 812 |
| Ogos | 699 |
| September | 433 |
| Oktober | 1,418 |
| November | 506 |
| Disember | 2,013 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **18,844** |

*** Data dijana pada Januari 2019*

# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

| PERKARA / TAHUN | 2017 (RM) | 2018 (RM) |
|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 2,000,000.00 | 1,485,000.00 |
| Sumbangan Perpustakaan Negara Malaysia | 1,257,053.00 | 1,469,596.58 |
| Hasil Sewaan | 108,920.00 | 116,090.00 |
| Kutipan Yuran dan Lain-lain Terimaan | 27,451.00 | 23,768.95 |
| Pelbagai Pendapatan | 48,940.00 | 172,279.16 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | ***3,442,364.00*** | ***3,281,411.52*** |
| **PERBELANJAAN** | | |
| Emolumen | 2,324,633.00 | 2,115,568.25 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 731,768.00 | 1,466,473.34 |
| Aset | 434,107.00 | 368,050.28 |
| Perbelanjaan Lain-lain | 85,521.00 | 35,210.68 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | ***3,576,029.00*** | ***3,985,302.55*** |
| **(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN** | ***(133,665.00)*** | ***(703,891.03)*** |

## BILANGAN KURSUS KAKITANGAN BAGI TAHUN 2018

| PELAKSANAAN KURSUS TAHUN 2018 | | |
|---|---|---|
| **BIL.** | **PERKARA** | **JUMLAH** |
| 1. | Kursus di Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan | 19 |
| 2. | Kursus di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) | 13 |
| 3. | Kursus di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) | 7 |
| 4. | Kursus Dalaman | 5 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **44** |



# LAWATAN DARI AGENSI LUAR

## 15.02.2018-TADIKA KREATIF CERDAS







## 15.11.2018-SMUA TARBIAH PANCHOR





## 18.7.2018-PASTI KIAS





## 20.03.2018-LAWATAN PUSTAKA AWAM PULAU PINANG







# LAWATAN KERJA PPAK



## LAWATAN KE PUSTAKA SARAWAK



## LAWATAN KE HATYAI & THAI KNOWLEDGE PARK



## LAWATAN KERJA KE PPAS



# AKTIVITI
# “AKU DI HATIMU”




## AKTIVITI AKU DI HATI MU

| BULAN | JUMLAH AKTIVITI | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|
| Januari | 9 | 1736 |
| Februari | 24 | 4920 |
| Mac | 38 | 5351 |
| April | 27 | 9858 |
| Mei | 9 | 2384 |
| Jun | 15 | 29247 |
| Julai | 14 | 786 |
| Ogos | 42 | 1771 |
| September | 23 | 4574 |
| Oktober | 30 | 3722 |
| November | 25 | 1476 |
| Disember | 39 | 1523 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **295** | **67348** |

03.11.2018-KEMBARA ILMU
PAC KK DI DABONG







12.9.18-PAC P.PUTEH







14.8.18-KEMBARA ILMU AKU DI
HATIMU SK BAHAGIA









# SISIPAN BERITA

## MAJLIS PERASMIAN PUSAT SUMBER SAYYIDATINA HAFSAH (PSSH)
Sinar Harian, 26 Januari 2018 (Jumaat)



### Rujukan khas mengenai kejayaan wanita Kelantan

Tengku Temenggong Kelantan Tan Sri Tengku Mohamad Rizam ketika menyempurnakan Perasmian PSSH.

KOTA BHARU - Pusat Sumber Sayyidatina Hafsah (PSSH) yang menyediakan rujukan khas mengenai kejayaan wanita di negeri ini ditubuhkan hasil usaha sama kerajaan negeri Kelantan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan.

Pengarahnya, Mohamad Othman berkata, pusat sumber yang beroperasi di aras bawah bangunan itu adalah satu langkah proaktif yang diambil dalam usaha untuk mengumpul maklumat mengenai kejayaan wanita Kelantan.

"Setakat ini masih belum terdapat mana-mana perpustakaan di Malaysia yang menyediakan pusat sumber yang mempunyai bahan-bahan koleksi yang dikhususkan kepada golongan wanita dan di Kelantan inilah yang pertama.

"Justeru, pusat sumber ini bukanlah sepertimana perpustakaan biasa kerana ia satu-satunya sumber arkib yang didedikasikan untuk kehidupan, sejarah serta pencapaian wanita di negeri ini.

"Di kawasan ini, kami menempatkan dokumen berkaitan pembangunan serta kemajuan dan kejayaan wanita Kelantan dalam pelbagai termasuk politik, pendidikan, keusahawanan dan kesenian serta dapat membina jaringan dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO khususnya isu semasa mengenai wanita dan kemasyarakatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Perasmian PSSH yang disempurnakan Tengku Temenggong Kelantan, Tan Sri Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz di pekarangan PPAK, di sini, petang semalam.

Hadir sama, Tengku Puan Temenggong Kelantan, Tunku Puan Sri Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kelantan Mumtaz Md Nawi.

Mohamad berkata, pusat sumber itu juga penting dalam membina, mengembang dan meningkatkan kemampuan penyediaan sumber serta maklumat khususnya mengenai wanita Kelantan secara cepat dan berkesan.

"Kami masih perlu banyak naskhah mengenai kejayaan wanita untuk diletakkan di pusat sumber ini dan saya mengalu-alukan pihak yang ingin memberi sumbangan berupa bahan bercetak (penulisan) atau salinan digital.

## PROGRAM BACA SERENTAK SELAMA 10 MINIT
Sinar Harian, 25 April 2018 (Rabu)



### Baca serentak selama 10 minit

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA
**Sinar Harian, 13 September 2018 (Khamis)**



### PPANK sedia 500,000 bahan bacaan

PASIR MAS - Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan (PPANK) menyediakan 500,000 bahan bacaan untuk kemudahan rakyat mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan berkaitan sesuatu isu atau perkara.

Timbalan Pengarah PPANK, Mohd Azizi Zainudin berkata, jumlah tersebut merangkumi pelbagai bahan bacaan termasuklah pengetahuan am, agama, novel dan sebagainya.

"Berpandukan rekod, kita dapati novel merupakan bahan bacaan utama yang menjadi pilihan masyarakat di negeri ini.

"Walaupun novel menjadi pilihan, namun kita tetap berbangga kerana budaya membaca terus subur dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Aku Di Hatimu 'Sayangi Malaysiaku' di Kolej Vokasional Pasir Mas.

Mohd Azizi berkata, bagi menyemarakkan lagi budaya membaca, PPANK turut menyediakan kemudahan 100 bahan bacaan kepada agensi kerajaan, sekolah dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurutnya, pinjaman bahan bacaan selama sebulan itu dilihat berjaya memberikan kesan positif terutama dalam memupuk minat membaca.

Selain itu katanya, PPANK turut juga menyediakan kemudahan internet secara percuma kepada pengunjung.

"Kemudahan percuma ini adalah salah satu galakan untuk menarik pengunjung supaya memanfaatkan kelebihan yang ada di PPANK.

"Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat mendapatkan ilmu. Jadi amat rugi, kemudahan yang ada ini dibiarkan berlalu begitu sahaja," katanya.

Mohd Azizi (12 dari kanan) bersama peserta yang menjayakan Program Aku Di Hatimu 'Sayangi Malaysiaku' di Kolej Vokasional Pasir Mas.

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA
**Sinar Harian, 13 September 2018 (Khamis)**



### Perpustakaan masih relevan

*200,000 kunjungi Perpustakaan Awam Kelantan tahun lepas*

NORHASRAM MUHAMAD

PASIR PUTEH

info

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) memperkenalkan slogan Aku Di Hatimu seiring dengan usaha meningkatkan aktiviti penyebaran ilmu kepada orang ramai

## PROGRAM BICARA TOKOH BERSAMA ISTERI MENTERI BESAR KELANTAN
**Sinar Harian, 4 Disember 2018 (Selasa)**



### Keluarga MB pernah disihir

*Isteri Ahmad dedahkan dugaan ditempuhi ketika detik awal dipilih jadi ketua kerajaan negeri*

info

Perkara tersebut bukanlah gurauan tetapi sebenarnya antara dugaan dan cabaran hidup yang didedahkan Datin Siti Zabidah Ali Hamid

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA
**Sinar Harian, 1 November 2018 (Khamis)**



### Tranformasi perpustakaan digital

*Perpustakaan awam Kelantan bakal berubah wajah*

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

Perpustakaan awam Kelantan akan ditransformasikan kepada bentuk digital dalam masa terdekat seiring dengan arus perubahan semasa.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Ruslan Ludin berkata, pengisian ini perlu untuk menjadikan masyarakat bermaklumat.

info

Perpustakaan digital ini adalah perpustakaan yang mempunyai buku yang sebahagiannya besarnya dalam bentuk format digital

sinarharian.com.my



# ANUGERAH INDEKS AKAUNTABILITI

## PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI (IA)

Jabatan Audit Negara memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (IA) bertujuan untuk memudahkan pengukuran kualiti secara objektif bagi pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah / akaun amanah dan deposit serta aset, inventori dan stor. Dengan pelaksanaan IA ini, ianya boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan di samping aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti akan dapat dicapai.

Pada tahun 2017, sebanyak 14 Jabatan/Agensi Negeri Kelantan terlibat dalam penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan dan PPAK telah mendapat tahap prestasi 95.17% berbanding tahun 2014 sebanyak 74.75%. Perbandingan tahap prestasi bagi tahun 2014 dan 2017 dapat dilihat dengan lebih lanjut pada Carta 1 di bawah :




Carta 1 : Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Tahun 2014 Dan 2017



## Majlis Makan Malam dan Penyampaian Sijil Pencapaian Kecemerlangan Indeks Akauntabiliti Kewangan Tahun 2017 Kepada Jabatan / Agensi Negeri Kelantan pada 9 Oktober 2018


ANUGERAH KECEMERLANGAN
PENGURUSAN KEWANGAN
BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI
TAHUN 2017

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
KELANTAN

★★★★★

TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Audit Negara
Malaysia

## Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan



# ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG KAKITANGAN

## PINGAT SETIA

11 November 2017 (Rabu)
Istana Balai Besar

| | |
|---|---|
| Nama Penerima | : Encik Wan Mohd Zain Bin Wan Mamat |
| Tarikh Lahir | : 14.11.1961 |
| Jawatan | : Pembantu tadbir (Perkeranian/Operasi) |



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

30 Mei 2018 (Rabu)
Dewan Bunga Teratai Kompleks Kota Darulnaim

| | | |
|---|---|---|
| Nama Penerima | : | Puan Normah Binti Abdullah |
| Tarikh Lahir | : | 25.05.1966 |
| Tempat Tinggal | : | Kubang Kerian |
| Tarikh Mula Bekerja | : | |






# PENYERTAAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK)

## HORIZON BAHARU
## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Pada 1 Ogos 2018, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah menghantar kakitangan untuk menyertai Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Kumpulan yang dianggotai oleh 7 orang kakitangan ini dikenali sebagai Kumpulan Techno-Lib. Kumpulan ini telah mempersembahkan hasil produk yang bertajuk Rak Mudah Alih.







# PENYERTAAN INOVASI

## ANUGERAH INOVASI ICT SEKTOR AWAM NEGERI KELANTAN (SAGUHATI)

Inovasi ini adalah berkaitan dengan sistem buku pelawat atas talian di Perpustakaan Awam Kelantan. Ia memfokuskan kepada rekod pelawat ke Perpustakaan Awam Kelantan. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan mula membangunkan sistem buku pelawat atas talian pada bulan Jun 2018 menggunakan platform Google Drive. Sistem buku pelawat atas talian ini hanya digunakan di Perpustakaan Awam Kelantan sahaja buat masa ini.


KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Sijil Penyertaan

Anugerah
INOVASI SEKTOR
AWAM NEGERI KELANTAN (AISAK)
TAHUN 2018

Kategori
INOVASI PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI (AIICT)

Kepada
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI KELANTAN

DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
Setiausaha Kerajaan Kelantan




# PENYERTAAN IFLA POSTER & BOULEVARD

POSTER DAN ‘LIBRARY BOULEVARD’

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah terpilih untuk menyertai pameran poster dan ‘Library Boulevard’ di persidangan IFLA, Kuala Lumpur pada 26-30 Ogos 2018.



**Library Boulevard**



Hak cipta terpelihara © 2018
Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

## Hubungi kami:

**Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan**
**Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan**

Koordinat : 6°07'21.0"N
102°14'24.6"E

Telefon : +60 9-744 4522
+60 9-741 2522

Faks : +60 9-748 7736

E-mel : ppak@kelantan.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN

www.kelantanlibrary.gov.my